

JAWATAN KOSONG KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut:-

1. **JAWATAN** : **PEMBANTU KEMAHIRAN**
Kod Skim : 4LH01
Jabatan : PELBAGAI JABATAN KERAJAAN NEGERI
TERENGGANU
Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA

2. **JADUAL GAJI** : **GRED H1**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM 100.00

3. **SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
(b) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00);

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00);

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00);

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,622.00);

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,622.00).

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.